

Projek Lebuh Raya Bertingkat Juru-Sungai Dua bermula 2025

Georgetown: Projek Lebuh Raya Bertingkat Juru-Sungai Dua yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pembentangan Bajet 2025 akan bermula tahun depan dan dijangka siap pada 2029.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Azman Ibrahim membentangkan cadangan konsep projek penyuraian trafik Juru-Sungai Dua itu kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semalam.

“Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri dan kerajaan Persekutuan kerana meluluskan projek bernilai RM3 bilion ini kepada

Pulau Pinang,” kata Kon Yeow dalam catatan Facebooknya, semalam.

Lebuh Raya Bertingkat Juru-Sungai Dua antara beberapa inisiatif utama untuk Pulau Pinang yang diumumkan Anwar dalam Bajet 2025 pada 18 Oktober lalu, selain Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang, pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan Taman Perindustrian Batu Kawan 3.

Kon Yeow sebelum ini dilaporkan berkata, projek itu yang di-



Chow Kon Yeow

jangka dilaksanakan melalui perkongsian awam-swasta (PPP) dan PLUS Malaysia Berhad serta Unit Perkongsian Awam-Swasta (UKAS) bersama beberapa agensi berkaitan, kini sedang diteliti.

Beliau sebelum ini meminta kerajaan Persekutuan melaksanakan projek Lebuh Raya Bertingkat Juru-Sungai Dua kerana keadaan trafik semakin mendesak yang dibangkitkan semasa taklimat mengenai pembangunan Pulau Pinang, April lalu.

BERNAMA